

July 2018



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

76th ISSUE

info kampus

UITM SARAWAK BULLETIN



ISSN 2232-1578



9772232157005

Majlis Pra-Natal UiTM Kampus Mukah 2017

Oleh: Shirley Sinatra anak Gran

Pada 19 Disember 2017, Jawatankuasa Perwakilan Pelajar Kristian (JPPK) di bawah naungan Majlis Perwakilan Pelajar, UiTM Cawangan Sarawak Kampus Mukah telah menganjurkan Majlis Pra-Natal yang bertempat di Dewan Sri Balau. Majlis ini diadakan untuk merayakan sambutan Hari Natal dan "Christmas Caroling" bersama-sama pelajar yang tidak dapat balik bercuti meraikan Hari Natal bersama keluarga mereka. Di samping itu, majlis ini juga bertujuan untuk merapatkan lagi hubungan silaturahim di antara semua pelajar dan pensyarah. Majlis turut menjemput Brother Daniel dari Gereja BEM Kelompok ELIM Mukah, sebagai penceramah jemputan pada malam tersebut. Majlis dimeriahkan lagi dengan persembahan tarian dan koir. Majlis kemudian diteruskan dengan perarakan "Christmas Caroling" di sepanjang perkarangan Dewan Sri Balau menuju ke Blok Pentadbiran Setiaraja. Sebelum majlis bersurai, sesi pertukaran hadiah turut diadakan di kalangan pelajar dan staf yang hadir. Dianggarkan seramai 200 orang pelajar Kristian telah hadir memeriahkan Majlis Pra Natal tersebut dan diharapkan agar jumlah ini akan bertambah pada semester akan datang.



MESYUARAT UMUM DWI TAHUNAN KE-34 D'PLANTERS' GUILD

Oleh: Suraiya binti Mahdian



Mesyuarat Umum Dwi Tahunan yang ke 34 bagi Persatuan D'Planters' Guild telah diadakan pada 17 Mac 2018 bertempat di Dewan Kuliah Judan, UiTM Cawangan Sarawak Kampus Mukah. Program ini telah dihadiri oleh 249 orang pelajar dan pensyarah dari Fakulti Perladangan dan Agroteknologi. Turut hadir ialah Encik Muhammad Syukrie bin Haji Abu Talip selaku Ketua Pusat Pengajian Sains Perladangan dan Agroteknologi.

Mesyuarat diadakan dengan tujuan membentangkan aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan pada semester lepas dan aktiviti-aktiviti yang bakal diadakan pada semester semasa. Penganjur program ini adalah Majlis Tertinggi dan Exco Persatuan D'Planters' Guild yang diketuai oleh saudara Mohammad Nazmi bin Sulaiman selaku Presiden Persatuan.

Dalam mesyuarat tersebut, saudara Mohammad Nazmi bin Sulaiman, pelajar semester 5 dari Diploma Pengurusan Ladang telah menerima Insentif Pelajar Terbaik yang merupakan insentif khas Ketua Pusat Pengajian Sains Perladangan dan Agroteknologi, Encik Muhammad Syukrie bin Haji Abu Talip. Penilaian adalah berdasarkan beberapa kriteria termasuklah keputusan peperiksaan terbaik pada semester lepas, aktif dalam berpersatuan dan mempunyai karektor dan personaliti yang menarik. Pada peperiksaan akhir Januari 2018, saudara Mohammad Nazmi bin Sulaiman telah Berjaya memperoleh GPA 3.92.

Turut hadir pada mesyuarat tersebut adalah saudara Mohd Nazirin bin Abdul Rahman yang merupakan wakil dari Majlis Perwakilan Pelajar UiTM Cawangan Sarawak Kampus Samarahan. Beliau juga merupakan alumni DPIM (2012 -2015). Objektif lain mesyuarat tersebut adalah untuk memperkenalkan ahli baru persatuan D'Planters iaitu pelajar semester 1 program Diploma Pengurusan Ladang. Mesyuarat tamat pada jam 10 malam.



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Corporate Communications and International Relations Unit

**Universiti Teknologi MARA Cawangan Sarawak
Blok Pentadbiran, Kampus Samarahan 2
Jalan Datuk Mohd Musa
94300 Kota Samarahan
Sarawak, Malaysia**

**Tel: 082 - 678 130 | Fax: 082 - 678 110
E-mail: korporat_swk@uitm.edu.my
www.sarawak.uitm.edu.my**